



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

WANITA BERASPIRASI MEMBINA LEGASI

Tarikh Dibaca:

**22 SYAABAN 1446H /
21 FEBRUARI 2025**

**Disediakan oleh:
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



إِذَا قُلْتُمْ فَاسْلُوا سُبْحَانَ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

WANITA BERASPIRASI MEMBINA LEGASI

21 FEBRUARI 2025 / 22 SYAABAN 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ
أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾﴾ الحجرات
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ
اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Suka untuk saya mengingatkan saudara-saudara sekalian agar tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual dan berhentilah dahulu dari bermain telefon bimbit. Dengar dengan tekun khutbah yang saya akan sampaikan pada hari ini. Mudah-mudahan ia membawa banyak pengajaran kepada kita semua. Pada hari ini saya akan menyampaikan khutbah bertajuk: “**Wanita Beraspirasi Membina Legasi**”.

SAUDARAKU YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Islam ialah agama yang adil dan memuliakan setiap insan, tidak kira sama ada lelaki mahupun wanita. Allah SWT menciptakan manusia dengan tujuan yang mulia iaitu untuk

beribadah kepada-Nya. Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat, ayat 13 yang saya baca pada awal khutbah tadi yang bermaksud:

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu)”.

Sesungguhnya wanita mempunyai kedudukan yang sangat tinggi dalam Islam dan pengaruh yang begitu besar dalam kehidupan setiap Muslim. Terlebih lagi apabila wanita itu beriman dan memegang teguh dengan ajaran Islam. Dialah sekolah pertama dalam membangun masyarakat yang soleh selagimana mereka berjalan sesuai dengan petunjuk al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dalam al-Quran terdapat banyak ayat yang menunjukkan betapa pentingnya kaum wanita sebagai ibu, sebagai isteri, sebagai saudara dan sebagai anak. Mereka juga mempunyai hak dan kewajipan, juga pertanggungjawaban yang akan dipersoalkan di akhirat kelak.

Betapa pentingnya peranan wanita itu tampak jelas dalam sebahagian beban tanggungjawab yang harus dipikulnya. Malah ada sebahagiannya melebihi beban tanggungjawab yang dipikul oleh kaum lelaki seperti beban mengandung dan melahirkan anak. Maka dari itu, antara kewajipan terpenting kita ialah untuk berterima kasih kepada ibu, berbakti kepadanya dan menyantuni mereka dengan baik. Allah SWT berfirman dalam hal ini melalui firman-Nya dalam Surah Luqman ayat 14:

﴿وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهْنًا عَلَى وَهْنٍ وَفِصْلَهُ فِي عَامَيْنِ أَنْ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَيَّ الْمَصِيرُ ﴿١٤﴾﴾

Maksudnya: *“Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepadaKu dan kepada*

kedua ibu bapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan)”.

Sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *radhiallahu ‘anhu*, beliau berkata, seorang lelaki datang kepada Rasulullah SAW lalu berkata: “Wahai Rasulullah! Siapa manusia yang lebih berhak untuk saya santuni dengan baik?”. Jawab Nabi, “Ibumu” Dia bertanya lagi, “Kemudian siapa?”. Jawab baginda, “Ibumu”, Dia bertanya lagi, “Kemudian siapa lagi?”. Baginda menjawab, “ayahmu”. **(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)**

SIDANG JEMAAH SEKALIAN,

Sesungguhnya ada pelajaran yang sangat berharga dari Ummul Mukminin, Saidatina Khadijah *radhiyallahu anha*. Beliau seorang usahawan yang berjaya. Beliau juga mempunyai peranan yang sangat besar dalam mententeramkan rasa terkejut yang dialami oleh Rasulullah SAW ketika Malaikat Jibrail turun kepadanya dengan membawa wahyu di Gua Hira’. Rasulullah SAW datang kepada Khadijah dalam keadaan seluruh tubuhnya menggeletar, sambil berkata kepada isterinya: “Selimuti aku! Selimuti aku! Sungguh aku bimbangkan diriku”. Maka Khadijah berkata: “Tidak, Demi Allah! Allah tidak akan membuatmu menjadi hina sama sekali, kerana engkau selalu menjalin hubungan silaturrahim, menunaikan tanggungjawab, memberikan bantuan kepada orang yang memerlukan, memuliakan tetamu dan memberikan pertolongan kepada orang yang berada di pihak yang benar”. **(Muttafaq ‘alaih)**

Kita juga tidak lupa peranan Saidatina A’isyah *radhiyallahu anha* yang menjadi tumpuan ramai sahabat Nabi mengambil hadis-hadis dari beliau. Begitu juga ramai kaum wanita belajar kepadanya tentang hukum-hukum yang berkaitan dengan mereka.

Selain itu, salah seorang sahabat Rasulullah SAW dari kalangan wanita yang pernah terlibat dalam peperangan ialah Nusaybah binti Ka’ab, yang lebih dikenali sebagai Ummu ‘Imarah. Beliau merupakan seorang wanita yang sangat berani dan telah mengambil bahagian dalam beberapa peperangan penting bersama Rasulullah SAW, seperti Perang Uhud, Perang Hunain, dan Perang Yamamah. Dalam Perang Uhud, Ummu ‘Imarah bukan sahaja memberikan rawatan kepada yang cedera, malah beliau sendiri turut mengambil senjata dan berperang untuk mempertahankan Rasulullah SAW ketika keadaan menjadi genting. Keberanian dan pengorbanannya sangat dikenang dalam sejarah Islam.

SAUDARAKU YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Satu fakta penting yang tidak dapat disangkal, bahawa kita semua ada wanita terpenting dalam hidup. Kita memiliki ibu, isteri, anak perempuan dan saudara-saudara perempuan. Mereka mempunyai peranan yang sangat besar dan pengaruh yang sangat penting dalam memberikan dorongan kepada kita untuk menjalankan segala amanah dan tanggungjawab di dunia ini. Ibu kita, yang melahirkan, mengasuh, dan mendewasakan kita tidak pernah mengungkit pengorbanan mereka selama ini. Juga, isteri kita yang bertarung nyawa melahirkan zuriat keturunan kita. Mereka juga bertungkus-lumus mengurus rumah tangga untuk kita dan pastinya sepanjang Ramadan nanti, mereka inilah yang paling sibuk menyediakan juadah untuk berbuka puasa dan bersahur. Berterima kasihlah kepada mereka dan doakanlah kesejahteraan untuk mereka.

Islam menyeru umatnya untuk memuliakan wanita dalam statusnya sebagai isteri. Pemuliaan itu hendaklah dilakukan dengan memberikan mereka hak-hak yang agung atas suaminya sebagaimana juga mereka memiliki kewajiban-kewajiban terhadap suaminya. Antara hak isteri dalam Islam ialah mendapatkan perlakuan baik dari suaminya, baik dalam hal makan, minum, pakaian, ilmu agama, kesihatan dan sebagainya. Begitu juga para isteri berhak mendapatkan perlakuan yang lembut dari suami, dimuliakan, serta seorang suami harus bersabar dalam menyikapi isteri.

Sebuah hadis dari Rasulullah SAW yang menegaskan kewajiban suami untuk menunaikan hak-hak isteri, antaranya hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah radhiyallahu anhu, beliau berkata, "Rasulullah SAW bersabda:

اسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا ، فَإِنَّ الْمَرْأَةَ خُلِقَتْ مِنْ ضِلْعٍ ، وَإِنَّ أَعْوَجَ مَا فِي الضِّلْعِ أَعْلَاهُ ،
فَإِنْ ذَهَبَتْ تُقِيمُهُ كَسَرْتَهُ ، وَإِنْ تَرَكْتَهُ ، لَمْ يَزَلْ أَعْوَجَ ، فَاسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ

Maksudnya: *"Berwasiatlah (berbuat baiklah kamu) kepada para wanita dengan baik. Sesungguhnya mereka diciptakan dari tulang rusuk (yang bengkok). Dan yang paling bengkok dari tulang rusuk ialah tulang rusuk paling atas. Apabila kamu cuba meluruskannya, kamu akan mematahkannya. Namun apabila kamu diamkan, dia akan semakin bengkok, maka berlaku baiklah padanya". (Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)*

Imam an-Nawawi *rahimahullah* berkata, “Dalam hadis ini terdapat perintah untuk bersikap lembut dan berbuat baik kepada wanita, serta bersabar atas akhlaknya yang masih bengkok (salah) serta bersabar juga menghadapi lemahnya akal mereka. Hadis ini juga berisi makruhnya menjatuhkan talak atas mereka tanpa sebab, dan tidak berusaha meluruskannya”.

Namun para wanita juga harus ingat bahawa mereka juga hendaklah melaksanakan tanggungjawab mereka. Rasulullah SAW memberi peringatan melalui hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *radhiallahu anhu*:

إِذَا صَلَّتِ الْمَرْأَةُ خَمْسَهَا، وَصَامَتْ شَهْرَهَا، وَحَفِظَتْ فَرْجَهَا، وَأَطَاعَتْ زَوْجَهَا، قِيلَ لَهَا: ادْخُلِي الْجَنَّةَ مِنْ أَيِّ أَبْوَابِ الْجَنَّةِ شِئْتَ

Maksudnya: “Apabila seorang wanita mendirikan solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadan, menjaga kehormatannya, dan mentaati suaminya, maka akan dikatakan kepadanya: ‘Masuklah ke syurga dari mana-mana pintu syurga yang kamu kehendaki’”.
(Hadis riwayat Imam Ahmad, at-Tirmidzi, dan Ibnu Majah)

SIDANG JEMAAH SEKALIAN,

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, saya rumuskan beberapa pesanan:

Pertama: Wanita memainkan peranan yang sangat penting dalam membina keluarga yang bahagia dan harmoni juga berperanan terhadap pembangunan negara.

Kedua: Sejarah merakamkan ramai tokoh yang boleh diteladani dari sudut kebijaksanaan, keberanian dan kecekalan termasuklah dari kalangan kaum wanita seperti Saidatina Khadijah, Saidatina A'isyah, Nusaybah dan lain-lain lagi.

Ketiga: Santunilah kaum wanita dengan sebaiknya kerana mereka turut berperanan penting dalam mendirikan aspirasi membangun legasi masyarakat yang dihormati.

Renungilah firman Allah SWT dalam Surah an-Nisaa' ayat 33:

﴿وَلِكُلِّ جَعَلْنَا مَوْلَىٰ مِمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ وَلِلَّذِينَ عَقَدْتَ أَيْمَانُكُمْ فَتَأْتُوهُمْ نَصِيْبُهُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدًا﴾

Maksudnya: “Orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan; (maka berusaha lah kamu) dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurnianya. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ۝٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَّالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينْدَا يَغْ د-فَرْتَوَانْ اَكْوَغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينْدَا رَاغْ فَرْمَايسُورِي اَكْوَغْ، رَاغْ زَارِيْثْ صُوفِيَاَه.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana jua terutamanya buat saudara kami di Palestin. Ya Allah! Berilah mereka kekuatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh, Sesungguhnya hanya Engkau Yang Maha Berkuasa. Ya Allah! Perbaikilah segala urusan kami dan urusan-urusan yang memberi kebaikan kepada umat Islam. Satukanlah hati kami seluruh umat Islam dan singkirkanlah perpecahan yang timbul dalam kalangan kami. Ya Allah! Limpahkanlah rahmat-Mu ke atas kami dan jangan jadikan kami termasuk orang-orang yang terhalang dari nikmat-Mu. Ya Allah! Angkatlah dan jauhkan kami dari kemurkaan-Mu, marabahaya, bala bencana, kesengsaraan, kemarau, banjir, kezaliman, kesesatan, gempa bumi, angin ribut yang membinasa, kejahilan, baik yang nyata mahupun yang tersembunyi. Ya Allah! Bimbinglah kami ke jalan yang Engkau redhai. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.